



Headline: 987 aduan kes Macau Scam
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 21 November 2019

Language: Malay
Section: Tengah
Page: 24

987 aduan kes Macau Scam

Petaling Jaya: Polis menerima sebanyak 987 laporan kes penipuan *Macau Scam* membabitkan kerugian berjumlah RM33.4 juta di daerah ini dari Januari lalu hingga kelmarin.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Mohd Zani Che Din berkata, terdapat peningkatan sebanyak 166 kes berbanding bagi tempoh sama pada tahun lalu.

Menurutnya, pada tahun lalu, pihaknya menerima sebanyak 821 laporan kes penipuan *Macau Scam* dengan kerugian RM19.3 juta.

“Daripada jumlah itu, pihak polis membuka 752 kertas siasatan pada tahun lalu dan 788 kertas siasatan pada tahun ini (sehingga kelmarin).

“Pada masa sama, seramai 131 individu sudah dituduh di mahkamah pada tahun lalu, selain 156 individu pula dituduh tahun ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis pelupusan barang kes berupa cakera padat digital (DVD) dan cakera padat video (VCD) di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pe-

taling Jaya, semalam.

Mohd Zani berkata, kebanyakan mangsa yang dikenal pasti terdiri daripada pelbagai latar belakang pekerjaan berusia antara 25 hingga 70 tahun.

“Capaian Internet dan perkhidmatan jalur lebar yang baik di daerah ini menyebabkan ramai individu menjadi mangsa jenayah siber termasuk *Macau Scam*.

“Justeru, kami akan terus meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan orang ramai bagi mengelakkan mereka menjadi mangsa,” katanya.